

Kadar Penyertaan dan Kadar Umur Aktiviti Buruh dalam Mempengaruhi Pertumbuhan Ekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Pantai Timur (ECER)

Nuruakma bt Nuh
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
University Kebangsaan Malaysia
E-mel: akma_nuru@yahoo.com

ABSTRAK

Pertumbuhan ekonomi wilayah selalu dilihat melalui beberapa faktor yang saling berhubungan, di antaranya ialah seperti faktor geografi, demografi, pengkhususan, produktiviti, modal fizikal dan manusia, infrastruktur, inovasi dan beberapa faktor lain yang saling berhubungan dan bergantung antara satu sama lain dan juga wujud dalam keadaan yang sebaliknya. KDNK per kapita merupakan salah satu petunjuk yang dapat menunjukkan tahap pertumbuhan ekonomi sesebuah wilayah. Antara faktor yang menentukan pertumbuhan KDNK per kapita ialah peranan kerajaan, produktiviti, populasi, kadar pekerjaan, kadar penyertaan buruh, dan kadar umur aktiviti. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengkaji apakah komponen utama yang bertindak sebagai penentu pertumbuhan ekonomi di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan mempercepatkan lagi pertumbuhan KDNK wilayah ECER. Kajian ini hanya akan mengkaji dan fokus kepada dua faktor penting sahaja iaitu kadar penyertaan buruh dan kadar umur aktiviti adakah membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah ECER iaitu meliputi negeri Terengganu, Kelantan Dan Pahang. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat hubungan antara faktor-faktor ini di dalam pertumbuhan ekonomi di wilayah ECER. Kajian ini menggunakan analisis Shift-Share yang dapat melihat hubungkait antara faktor-faktor dalam mempengaruhi pertumbuhan KDNK per kapita di wilayah ECER. Dalam kajian ini dijangkakan kadar penyertaan dan kadar umur aktiviti mempunyai hubungkait antara satu sama lain dan memberikan kesan signifikan terhadap pertumbuhan KDNK per kapita ekonomi wilayah ECER. Hasil daripada analisis mencadangkan pihak kerajaan perlulah menjalankan beberapa langkah strategik untuk meningkatkan lagi kadar penyertaan dan kadar umur aktiviti buruh seperti meningkatkan peluang pekerjaan, latihan dan keselamatan serta kesihatan pekerja.

Kata kunci: KDNK per kapita, Ekonomi Pantai Timur (ECER), kadar penyertaan buruh, kadar umur aktiviti.

ABSTRACT

Regional economic growth is always seen through several interrelated factors, among which are such as geographic, demographic, specialization, productivity, physical and human capital, infrastructure, innovation and other factors are interrelated and depend on each other and are also present in the opposite situation. GDP per capita is one of the indicators to show the level of economic growth of a region. Among the factors that determine the growth of GDP per capita is the role of government, productivity, population, employment rate, the labor participation rate, and the rate of activity of age. The main objective of this study was to examine whether the main component that acts as a determinant of economic growth in the East Coast Economic Region (ECER) which will accelerate GDP growth ECER. This study will examine and focus only on two important factors, namely labor participation rate and the rate of age-activity did help boost economic growth in the ECER which covers the states of Kelantan and Pahang. In addition, this study also would like to see the relationship between these factors in economic growth in the ECER. This study analyzes using the Shift-Share can see the relationship between the factors influencing the growth of GDP per capita in the ECER. In this study, the participation rate and the rate expected life activities are related to each other and significant impact on economic growth in GDP per capita economic corridors. Results from the analysis suggested that the government should carry out a number of strategic steps to increase the participation rate and the rate of age-labor activities such as increasing employment, training and health and safety of workers.

Keywords: GDP per capita, East Coast Economic (ECER), the labor participation rate, the age-activity.

PENGENALAN

Pertumbuhan ekonomi ialah pertambahan pengeluaran dan input serta kecekapan dalam pengeluaran iaitu pertambahan output bagi setiap unit input. Pertumbuhan ekonomi boleh diukur dari segi daya pengeluaran pekerja dalam sesebuah ekonomi atau dari segi kesan pertumbuhan terhadap taraf hidup (Royall Brandis, 1984). Manakala Menurut Gillis (1996) yang menyatakan pertumbuhan ekonomi bermaksud peningkatan dalam keluaran Negara atau keluaran Negara per kapita. Hal jelas jika, pengeluaran barang dan perkhidmatan sesebuah Negara meningkat, maka Negara tersebut telah mengalami pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, pertumbuhan ekonomi sesebuah Negara juga bergantung kepada pertumbuhan pembangunan wilayah di Negara tersebut. Pembangunan wilayah penting untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk serta mencapai pembangunan sosial dan ekonomi yang seimbang antara wilayah dan negeri. Jika masalah ketidakseimbangan ini wujud, maka jelaslah pertumbuhan ekonomi yang diperolehi oleh sesebuah Negara tersebut tidak di agihkan sama rata kepada semua penduduk di Negara tersebut.

Pertumbuhan ekonomi wilayah selalu dilihat melalui beberapa faktor yang saling berhubung, di antaranya ialah seperti faktor geografi, demografi, pengkhususan, produktiviti, modal fizikal dan manusia, infrastruktur, inovasi dan beberapa faktor lain yang saling berhubung dan bergantung antara satu sama lain dan juga wujud dalam keadaan yang sebaliknya. Pada dasarnya pertumbuhan ekonomi wilayah dapat dibezakan kepada tiga ciri utama iaitu ciri yang pertama ialah ciri-ciri khusus sesebuah Negara dan dasar-dasar Negara iaitu wilayah yang menjadi tumpuan oleh pihak kerajaan akan mengalami pertumbuhan yang lebih pesat berbanding wilayah lain. Manakala ciri yang kedua ialah factor anugerah semulajadi sesebuah wilayah tersebut yang bersifat malar dalam jangka masa panjang, sebagai contoh bahan mentah seperti petroleum, bijih timah dan besi yang akan menjadi sumber ekonomi utama bagi sesebuah wilayah tersebut. Manakala ciri yang ketiga ialah aset wilayah, iaitu aset yang dimiliki oleh sesebuah wilayah yang dapat diubah atau dipertingkatkan melalui penambahbaikan atau dasar-dasar yang akan di buat, sebagai contoh kadar penyertaan buruh yang rendah dapat diatasi melalui dasar meningkatkan tahap pendidikan buruh atau berlaku peningkatan dalam peluang pekerjaan.

Tulus Tambunan (2006) membincangkan faktor-faktor utama penentu daya saing sesebuah wilayah di mana beliau memfokuskan kepada paradigm daya saing sesebuah wilayah. Bila mengetahui penentu utama daya saing sesebuah wilayah maka dapatlah diketahui keupayaan yang harus dilakukan untuk meningkatkan daya saing daerah seperti Palembang. Menurut beliau, sektor utama yang akan mengembangkan lagi pertumbuhan ekonomi sesebuah wilayah ialah sektor industri. Menurut beliau lagi, sektor industri penting kerana hanya sektor tersebut yang akan menghasilkan nilai tambah yang paling besar dan mampu menjadi penyumbang terbesar kepada pertumbuhan produk di sesebuah wilayah. Sektor industri juga penting kerana mempunyai rantaian ke depan (*forward linkage*) dan rantaian ke belakang (*backward linkage*) kepada pertumbuhan ekonomi sampingan dan sektor industri sebagai pengembangan teknologi dan disebarkan kepada sektor-sektor lain. Namun, hasil kajian beliau terhadap daya saing industri Indonesia menunjukkan daya saing industri di wilayah-wilayah semakin menurun.

Dalam kajian ini wilayah ekonomi pantai timur (ECER) merupakan antara wilayah yang agak ketinggalan berbanding wilayah-wilayah lain di Malaysia. ECER yang merangkumi negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor, mengorak langkah dalam meneruskan transformasi untuk menjadi sebuah pusat perdagangan yang berdaya maju dan pengeksport utama produk-produk berasaskan sumber dan pembuatan, yang dilengkapi dengan kemudahan prasarana dan logistik serba moden. Dari segi geografi, ECER meliputi kawasan seluas lebih 66,000 km persegi atau 51% dari kawasan keseluruhan Semenanjung Malaysia. Ianya didiami oleh kira-kira 3.9 juta penduduk, atau lebih kurang 14 peratus dari jumlah keseluruhan populasi negara. Terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia, ECER berada di lokasi yang ideal untuk menjadi sebuah gerbang perdagangan dan industri utama, yang menawarkan para pelabur akses kepada pasaran pasaran yang luas di Timur Jauh dan Asia Pasifik, dengan jumlah keseluruhan penduduk melebihi 4 bilion dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) gabungan berjumlah US\$17 trilion. Visi ECER adalah untuk menjadi sebuah wilayah maju menjelang 2020. Sehubungan itu, Pelan Induk ECER menjadi asas rujukan dalam merangka strategi, program-program dan projek-projek yang dapat membantu Wilayah ini mencapai wawasan tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan. Menjelang 2020, jumlah keseluruhan penduduk ECER dijangka meningkat kepada 4.3 juta, manakala jumlah pekerjaan dijangka akan turut

berkembang kepada 1.92 juta dengan pewujudan 560,000 pekerjaan baru. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), KDNK Wilayah ini dijangka meningkat kepada RM67 bilion menjelang 2015 daripada RM23.1 bilion pada 2005, manakala KDNK per kapita disasarkan meningkat kepada RM15,720 daripada RM5,860 pada tahun 2005 menurut sumber data daripada ECERDC.

Petunjuk ekonomi yang sangat penting ialah KDNK per kapita setiap wilayah yang akan menentukan adakah sesebuah wilayah tersebut telah mengalami pertumbuhan ataupun tidak. Sebagai contoh salah satu negeri di dalam wilayah ECER ialah Terengganu yang mempunyai KDNK per kapita sebanyak RM14, 215 pada tahun 2005 iaitu tahun penubuhan ECER dan pada tahun 2007 sebanyak RM17, 284. Manakala bagi negeri Kelantan pula pada tahun 2005 ialah sebanyak RM5, 549 dan pada tahun 2007 sebanyak RM6,943 dan bagi negeri Pahang pula pada tahun 2005 sebanyak RM15, 934 dan tahun 2007 ialah RM18, 930. Maka jelaslah ketiga-tiga negeri menunjukkan telah mengalami peningkatan KDNK per kapita sepanjang tiga tahun penubuhan ECER. Namun pertumbuhan yang telah berlaku tidak dapat dikenal pasti apakah penentu utama yang telah mendorong peningkatan KDNK ini. Maka jelaslah tujuan utama kajian ini dibuat ialah untuk mengenal pasti adakah penentu kadar penyertaan dan kadar umur aktiviti buruh telah meningkatkan pertumbuhan KDNK per kapita wilayah ECER.

KAJIAN LEPAS

Holger Breinlich et al. (2013) mengkaji tentang pertumbuhan dan kejatuhan pembangunan sesuatu wilayah. Kajian pertumbuhan serantau sering dianggap lebih mudah dan lurus ke hadapan berbanding dengan pertumbuhan negara. Holger Breinlich telah menekankan, sebaliknya, pelbagai cara telah digunakan, namun hasilnya tetap sama. Hasil serantau yang terbaik dilihat dari segi keseimbangan ruang. Sesebuah wilayah akan saling bergantung dengan kawasan atau wilayah yang berdekatan. Sebagai contoh, model teori meramalkan bahawa akses pasaran akan mempengaruhi kemakmuran relatif dan kepadatan penduduk, dan ramalan-ramalan ini disokong oleh pelbagai bukti. Sementara itu, mobiliti buruh menunjukkan bahawa pendapatan, penduduk dan kos hidup dalaman, perlu di ambil penekanan secara bersama semasa kajian.

Redding(2012) juga membangunkan model petunjuk wilayah geografi ekonomi berdasarkan Eaton dan Kortum(2002),sesuai untuk kajian bersifat kuantitatif. Beliau mengkaji keseimbangan umum ekonomi dengan nombor secara rawak dengan kawasan yang dihubungkan secara rawak dengan geografi kos perdagangan,dimodelkan sebagai kos pengangkutan tidak bergerak yang mungkin berbeza antara wilayah. Buruh dianggap sebagai modal yang ada pergerakan ke seluruh wilayah.Tahap produktiviti setiap wilayah yang diambil daripada taburan Fréchet. Kawasan dengan produktiviti yang lebih tinggi membayar gaji dengan kadar yang lebih tinggi, dan mempunyai kos sara hidup yang lebih tinggi berbanding kawasan lain. Kawasan yang mempunyai akses pasaran yang baik seperti kos pengangkutan yang murah, barangan dan kos perumahan. Hal ini kerana kos hidup yang rendah digerakan oleh pergerakan penduduk. Oleh itu, dalam keseimbangan, kebijakan menyamakan kedudukan dilokasi, tetapi kawasan-kawasan yang produktif atau baik mempunyai upah nominal yang lebih tinggi, penduduk yang lebih besar dan kos perumahan yang lebih tinggi. Model ini amat sesuai bagi mengkaji kesan terhadap pertumbuhan wilayah sebagai satu liberalisasi perdagangan di seluruh ekonomi, atau lebih amnya,kejatuhan dalam perdagangan luar kos. Liberalisasi perdagangan akan menyebabkan berlakunya pengalihan semula penduduk di sesebuah wilayah, ia menggambarkan berlakunya pertumbuhan dan kejatuhan ekonomi sesebuah wilayah tersebut.

Gennaiolietal.(2013a) menekankan bahawa pengeluaran serantau per kapita adalah sangat berkait rapat dengan modal insan biasa. Dalam regresi output perkapita pada tahun purata pendidikan dan negara patung, menggunakan 1500 kawasan 105 di seluruh negara,mereka mendapati bahawa pendidikan menjelaskan 38% daripada perubahan dalam output per kapita dalam negara. Ini adalah menarik, tetapi tiada siapa yang akan mencadangkan bahawa kawasan-kawasan di dalam negara masing-masing mempunyai modal tetap iaitu pekerja mahir.

Menurut Heckman (1999), pekerja yang bekerja secara konsisten akan mendapat faedah yang lebih tinggi daripada latihan. Ini kerana senioriti memainkan peranan yang penting bagi pekerja mendapat peluang mengikuti latihan Pandangan ini juga telah dibuktikan oleh penemuan kajian Friedlander et. al. (1997). Kajian Bishop (1997), Booth (1991) dan Dougherty (2003) pula mendapati pekerja yang mempunyai jawatan tinggi dan bekerja dalam syarikat yang besar mendapat peluang yang lebih tinggi untuk menghadiri latihan serta berupaya menerima pulangan yang tinggi. Ini selaras dengan dapatan Middleton et al. (1993), yang menunjukkan firma besar melabur lebih banyak dalam latihan pekerja dan mereka mendapat pulangan yang lebih tinggi.Peluang mengikuti latihan pekerja juga bergantung kepada tahap pencapaian pendidikan pekerja itu, atau dengan kata lain, wujud

hubungan penggenap antara latihan dan juga pendidikan. Oleh itu, ramai pekerja yang berpendidikan tinggi menyertai latihan untuk mendapatkan kemahiran dan seterusnya meningkatkan prestasimereka (Frazis et al.2000; Lynch 1999).

Menurut Coelho dan Ghali (1971) upah di antara sesebuah wilayah dengan wilayah yang lain adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi dan juga ciri pekerja itu sendiri, seperti pendidikan dan pengalaman kerja. Sehubungandenganini, Dumond et al. (1999) menjelaskan pentingnya indeks kos hidup untuk menggambarkan penentuan upah selain daripada jarak tempat bekerja. Selain itu, faktor seperti jantina, usia, pendidikan, dan sektor, sering menunjukkan hubungan yang signifikan dengan perbezaan upah. Perbezaan upah wilayah boleh juga disebabkan oleh perbezaan harga dan kos hidup. Glaeser, KolkodanSaiz (2000) mengkaji perbezaan dalam saiz pampasan di metropolitan dan bukan metropolitan. Mereka memberikan tiga kemungkinan penjelasan upah di bandar Amerika Syarikat iaitu saiz bandar, akumulasi pengetahuan dan kemahiran warganya dan kos hidup yang lebih tinggi yang lebih tinggi di bandar.

Shift share telah digunakan dengan meluas dalam analisis wilayah dan penilaian kecekapan bagi polisiwilayah (Fother gill danGudgin, 1982; Mackay dan Thompson, 1979; Moore dan Rhodes, 1973 dan 1974; Moore, Rhodes dan Tyler, 1986; Perloff et al, 1960; Thirlwall, 1967 dan Tyler, 1980). Holden et al (1989) dalam kajian mereka tidak bersetuju bahawa shift share mempunyai beberapa nilai sebagai prosedur perakaunan, dan juga kebolehan shift share bertindak sebagai teknik piawaian masih dipersoalkan. Bliendan Wolf (2002) pula menggunakan pendekatan kesimpulan umum bagi analog ekonometrikbagikaedah shift share biasa. Hasil kajian mereka di Jerman Timurmendapati proses 'deconcentration' memainkanperanandalammenjelaskanketakseimbanganwilayah. Andrikopoulus et al (1990) menjelaskan perubahan dalam tarikan wilayah diukur melalui komponen kompetitif dalam model shift share. Shift share turut berguna untuk menganalisis corak gunatenaga dan mengenalpasti penyebabnya melalui analisis regresi.

METODOLOGI

Kajian ini bersumberkan data sekunder berbentuk siri masa yang diperolehi daripada pelbagai sumber terutamanya Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Statistik Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan pelbagai sumber lagi. Data-data yang digunakan melibatkan data siri masa bagi tempoh 30 tahun dari tahun 1980 hingga tahun 2010 yang akan dikumpul dan di analisis menggunakan analisis *shift share*. Dalam usaha untuk melihat apakah kadar penyertaan dan kadar umur aktiviti buruh sebagai perangsang atau penyebab kepada pertumbuhan ekonomi wilayah ECER atau sebaliknya.

Shift share bukan sahaja dapat melihat keunikan ekonomi wilayah, tetapi ia melibatkan pertumbuhan pekerjaan daripada jumlah pekerjaan dalam industri. Industri dengan kebersaingan wilayah yang tinggi dapat mengetahui kelebihan dan kekurangan saingan bagi sesuatu wilayah tersebut. Shift share tidak menunjukkan mengapa industri ini bersaing tetapi ia lebih menunjukkan sektor mana yang '*out-competing*' atau '*under-competing*' negara. Selain itu, shift share juga berguna dalam mengenalpasti sasaran pelaburan, maka pemegang saham tempatan boleh membantu industry wilayah yang bersaing ini untuk sama ada menyambung untuk '*outperform*' trend negara atau '*catch up*' dengan trend negara supaya ekonomi wilayah tidak ketinggalan dalam sektor tersebut. Penggunaan asas shift share ialah untuk mencegah intepretasi yang kurang tepat mengenai bilangan pertumbuhan pekerjaan. Selain itu shift share ialah satu cara untuk melihat kepada kebersaingan bagi wilayah-wilayah, menyediakan gambaran bagaimana campuran wilayah bagi industri berfungsi atau berprestasi, menunjukkan bagaimana satu industri berfungsi atau dijalankan, menganalisis industri secara individu atau ekonomi keseluruhannya dan selalunya dilihat kepada gunatenaga atau pekerjaan dan boleh dipecahkan kepada 3 komponen iaitu 1) *national share*, 2) *industry mix* dan 3) *regional shift*.

Persamaan *shift share* :

$$\Delta E_{ir}^t = IM_{ir}^t + NS_{ir}^t + RS_{ir}^t$$

National share (NS) ialah pecahan kepada pertumbuhan gunatenaga bagi wilayah dan pertumbuhan bagi ekonomi. Jika industri wilayah bertumbuh pada kadar pertumbuhan industri keseluruhannya, apakah keputusannya?

$$NS_{ir}^t = E_{ir}^{t-1} \times \left(\frac{E_M^t}{E_M^{t-1}} - 1 \right)$$

Industry mix (IM) ialah menerangkan mengenai berapa banyak pertumbuhan dapat merujuk kepada campuran industri bagi wilayah? Turut menganggar berapa banyak pekerjaan dapat dicipta/ atau tidak dicipta bagi setiap industry berwajaran kepada perbezaan dalam industri dan kadar pertumbuhan keseluruhannya.

$$IM_{ir}^t = E_{ir}^{t-1} \times \left[\left(\frac{E_{i,M}^t}{E_{i,M}^{t-1}} \right) - \left(\frac{E_M^t}{E_M^{t-1}} \right) \right]$$

Regional shift (RS) pula mengupas kepada berapa banyak pekerjaan dapat dicipta/ atau tidak dicipta hasil daripada kebersaingan bagi wilayah-wilayah? Antara komponen yang paling penting ialah mengenalpasti industri yang penting dan kurang penting.

$$RS_{ir}^t = E_{ir}^{t-1} \times \left[\left(\frac{E_{ir}^t}{E_{ir}^{t-1}} \right) - \left(\frac{E_{i,M}^t}{E_{i,M}^{t-1}} \right) \right]$$

Di mana;

- t =tempoh masa kini
- i =spesifik industri
- r =spesifik wilayah
- $t-1$ =tahun sebelumnya
- M =Malaysia

Analisis shift share bagi kajian ini akan dikira mengikut r spesifik wilayah iaitu negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu yang merupakan negeri di bawah pembangunan wilayah timur (ECER).

HASIL KAJIAN

Jadual 1.0 menunjukkan perbandingan hasil analisis shift share negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang dari tahun 2005 hingga 2010 bagi dua pembolehubah iaitu kadar penyertaan dan kadar umur aktiviti buruh. Bagi bahagian *nasional share* (NS) pembolehubah kadar penyertaan buruh menunjukkan negeri Pahang paling tinggi menjana peluang pekerjaan iaitu 5865667 dan paling kurang menjana ialah negeri Terengganu iaitu sebanyak 4700242 sahaja. Menunjukkan jurang perbezaan antara dua negeri ini ialah sebanyak 608545 peluang pekerjaan. Manakala jika dilihat dari segi bahagian *industry mix* (IM) pula negeri yang paling banyak mempunyai kelebihan pekerjaan masih negeri Pahang dan paling kurang ialah negeri Terengganu dengan jelas jurang perbezaan sebanyak 608546 dan bahagian *regional shift* (RS) iaitu dari segi daya saing menunjukkan ketiga-tiga negeri menunjukkan tahap yang lebih kurang sama dengan Terengganu sebanyak 1143198, Kelantan sebanyak 1143197 dan Pahang sebanyak 1143186. Maka jelaslah analisis *shift share* bagi pembolehubah kadar penyertaan buruh menunjukkan negeri Pahang paling tinggi iaitu 7431776 dan *shift share* paling rendah ialah negeri Terengganu iaitu sebanyak 6214696. Maka kesimpulannya pemboleh ubah kadar penyertaan buruh di negeri Pahang lebih menyerlah dan membantu dalam meningkatkan pertumbuhan KDNK di negeri tersebut berbanding negeri Terengganu dan Kelantan. Hal ini jelaslah negeri Pahang lebih maju dan membangun lebih berbanding negeri pantai timur yang lain iaitu negeri Terengganu dan Kelantan yang lebih jauh ketinggalan. Kemajuan yang dikecapi oleh Pahang mungkin disebabkan oleh saiz negeri Pahang yang lebih luas dan mempunyai hasil bumi yang banyak, seperti kayu balak, bahan-bahan galian seperti petroleum dan juga mungkin disebabkan Pahang berjiran dengan negeri yang maju seperti Selangor dan Kuala Lumpur, maka kemajuan mungkin turut berlaku di sana.

Manakala pembolehubah yang kedua ialah kadar umur aktiviti pula menunjukkan bahagian *nasional share* (NS) iaitu penjanaan peluang pekerjaan paling tinggi ialah negeri Terengganu dengan nilai sebanyak 7088389 dan paling kurang menjana peluang pekerjaan ialah negeri Kelantan iaitu sebanyak 5743107 dengan perbezaan sebanyak 1345282 berbanding Terengganu dan negeri Pahang sebanyak 5865667. Manakala bahagian *industry mix* (IM) pula menunjukkan pembolehubah ini mempunyai kelebihan pekerjaan di negeri Terengganu sebanyak 1966435 dan kurang pekerjaan di negeri Kelantan sebanyak 621154 dan jurang perbezaan dua negeri ini ialah sebanyak 1345281. Manakala bagi melihat daya saing pembolehubah ini pula perlu melihat kepada bahagian *regional shift* (RS) yang menunjukkan nilai yang lebih kurang sama di ketiga-tiga negeri iaitu Terengganu, Kelantan dan Pahang dengan masing-masing sebanyak 533518, 533526 dan 533528. Maka secara keseluruhannya kadar umur aktiviti bagi negeri Terengganu menunjukkan hasil *shift share* yang paling tinggi antara ketiga-tiga negeri sebanyak 9588344 yang paling jelas menyumbang kepada pertumbuhan

KDNK negeri Terengganu, manakala bagi negeri Kelantan hasil *shift share* bernilai 6897789 dan Pahang sebanyak. Kesimpulannya kadar penyertaan buruh negeri Pahang yang menyumbang paling banyak kepada pertumbuhan KDNK dan bagi pembolehubah kadar umur aktiviti buruh pula menunjukkan negeri Terengganu yang paling tinggi menyumbang kepada pertumbuhan KDNK negeri tersebut.

KESIMPULAN DAN HASIL PERBINCANGAN

Selain itu, banyak faktor lain turut mempengaruhi pembolehubah utama kajian iaitu kadar penyertaan dan kadar umur aktiviti buruh. Menurut kajian para pengkaji yang lain, banyak menjelaskan tentang pertumbuhan wilayah yang disebabkan oleh faktor pembolehubah yang lain dengan menggunakan kaedah kajian yang pelbagai. Setiap hasil yang di jelaskan, ada yang bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan dan ada juga melemahkan lagi ekonomi wilayah. Maka segala kelemahan dan kelebihan dalam kajian yang lain dapat meningkatkan lagi mutu kajian pertumbuhan wilayah ECER.

Hasil daripada analisis yang dibuat, jika di lihat daripada IM dan RS yang menjelaskan tentang peluang pekerjaan yang sangat berkait rapat dengan kadar penyertaan buruh terutama sekali di wilayah ECER menunjukkan hasil yang negatif bagi buruh yang tidak mempunyai tahap pendidikan rasmi dan manakala bagi pekerjaan jenis pekerja mahir pertanian dan perikanan menunjukkan negeri Terengganu dan pahang bernilai negatif, manakala negeri Kelantan positif. Kesimpulan yang boleh di buat daripada situasi ini menjelaskan bahawa penyertaan buruh di bidang pertanian dan perikanan telah merosot. Ini jelas menunjukkan pekerjaan jenis ini sudah tidak di minati oleh generasi muda. Manakala situasi sebaliknya berlaku di Kelantan, hal ini kerana kemungkinan kekurangan pembangunan yang berlaku di negeri tersebut. Manakala bagi kadar umur aktiviti pula pekerja lingkungan umur 20-24 dnkebawah, bernilai negatif di ketiga-tiga negeri. Hal ini kerana lingkungan umur 15 tahun hingga 24 tahun di Malaysia ialah peringkat umur berada di dalam alam persekolahan. Maka jelaslah peringkat umur ini kurang aktif berbanding peringkat umur yang lain, walaupun peringkat umur ini sudah di kira sebagai umur pekerjaan.

Jika melihat kepada konteks negara membangun seperti Malaysia adalah salah satu daripada alat untuk mewujudkan sebuah perancangan wilayah dengan meningkatkan sumber tenaga buruh negeri. Pelbagai cara perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti dan mutu tenaga buruh di negeri wilayah ECER. Peningkatan ini bukan sahaja akan meningkatkan kadar penyertaan buruh dalam sistem atau alam pekerjaan, malah akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri.

Ekoran daripada pelan pembangunan koridor ikut wilayah, Pelaksanaan dalam pembangunan wilayah seperti ini sebenarnya telah lama dilaksanakan di Malaysia iaitu pada tahun 1956 di mana setelah berlakunya perang dunia kedua yang menyebabkan berlakunya kemunduran dalam kegiatan ekonomi. Pelaksanaan yang telah dibuat adalah dalam bentuk pembukaan tanah rancangan seperti FELDA. Selain itu juga, melalui pembangunan wilayah dalam bentuk pembangunan tertentu mengikut letakan misalnya bentuk pembangunan pertanian dan pembangunan industri. Selain itu, terdapat juga pembangunan wilayah yang dilaksanakan daripada organisasi berbentuk korporat iaitu dengan melaksanakan program pembangunan di kawasan baru ataupun di sebuah wilayah perancangan seperti MARA, KEJORA, KETENGAH dan sebagainya. Program sebegini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan kadar penumpuan kegiatan dan perusahaan penduduk serta pertumbuhan bandar. Manakala pembangunan wilayah yang dijalankan di kawasan mundur pula adalah untuk menggalakkan penghijrahan masuk penduduk, meningkatkan pembangunan wilayah tersebut, pembangunan bandar dan sebagai pusat pertumbuhan baru.

Di peringkat negara, beberapa buah bandar utama yang sedia ada telah dipilih menjadi sebuah pusat pertumbuhan seperti Kuantan, Georgetown, Kuala Lumpur, Johor Baru, Kuching dan Kota Kinabalu. Misalnya, pembangunan yang berlaku di daerah Johor Baru menunjukkan pembangunan berlaku adalah berpusat di beberapa pusat penempatan utama yang menjadi nadi kepada pembangunan. Di daerah ini dikatakan memiliki 14 buah pusat penempatan yang terdiri daripada pusat wilayah negara hinggalah kepada pusat penempatan kecil. Dikatakan akan berlaku tambahan kepada 5 buah pusat penempatan menjelang 2020 nanti. Selain itu, terdapat juga koridor pembangunan yang menghubungkan antara pusat-pusat penempatan tersebut. Daerah Johor Baru ini dikatakan daerah yang pesat dengan pembangunan di Negeri Johor di mana daerah di kawasan tersebut menjadi tumpuan penduduk dan pelbagai projek pembangunan serta infrastruktur turut berkembang di daerah tersebut. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan jumlah penduduk di daerah tersebut sebanyak 42.29 peratus daripada keseluruhan penduduk negeri Johor iaitu seramai 2,740,625 orang. Maka di bawah perancangan ekonomi baru iaitu di bawah pembangunan ekonomi ECER, pembangunan ekonomi boleh di perembangkan dan lebih banyak perubahan yang berlaku.

Hasil kajian yang dibuat jelaslah menunjukkan tahap kesihatan dan pendidikan sesebuah Negara mahupun wilayah sangatlah penting bagi pertumbuhan pembangunan ekonomi dalam jangka masa panjang, yang jelas akan mempengaruhi kadar penyertaan buruh dan kadar umur aktiviti penduduk. Seterusnya peningkatan yang berlaku dalam kadar penyertaan dan kadar umur aktiviti akan meningkatkan KDNK per kapita sesebuah wilayah, maka jelaslah berlaku pertumbuhan ekonomi di wilayah tersebut. Hasil daripada analisis data yang dibuat melalui kaedah shift share menggunakan pemboleh ubah kadar penyertaan dan kadar umur aktiviti buruh menunjukkan hasil yang positif, maka jelaslah disini kadar umur aktiviti buruh dan kadar penyertaan buruh dapat mempengaruhi kadar pertumbuhan KDNK wilayah ECER. Hasilnya juga menunjukkan nilai yang diperolehi berbeza mengikut negeri, ada negeri kadar penyertaan buruh lebih mempengaruhi pertumbuhan berbanding kadar umur aktiviti buruh dan sebaliknya bagi negeri yang lain.

RUJUKAN

- Friedmann, John And William Alonso (eds.) (1964). *Regional Development and Planning: A Reader*. Cambridge, MA. MIT Press
- Spiezia and weiler (2007). Understanding Regional Growth. *The Review Of Regional Studies*, Vol. 37. No. 3, 2007. Pp. 344-366
- Fujita, M. P. Krugman and A. J. Venables (1999). *The Spatial Economy: Cities, Regions And International Trade*. The MIT Press, Cambridge, MA
- Krugman, Paul (1991). *Geography and trade*, Cambridge, MA, MIT Press
- Johansen, S. (1988). Statistical analysis of cointegration vectors. *Journal of Economic Dynamics and Control*, 12, 231-254.
- Granger, C. W. J. 1969. Investigating causal relation by econometrics model and cross-spectral methods. *Econometrica*. 37: 424-38.
- Dickey, D., & Fuller, W. A. 1979. Distribution of the estimators for autoregressive time series with a unit root. *Journal of the American Statistical Association* 74: 427-431.
1981. The likelihood ratio statistics for autoregressive time series with a unit root. *Econometrica* 49:1057-1072.
- Johansen, S. 1988. Statistical Analysis of Cointegration Vectors. *Journal of Economic Dynamics and Control* 12: 231-254.
- Johansen, S., & Juselius, K. 1990. Maximum likelihood estimation and inference on cointegration with application for demand for money. *Oxford Bulletin of Economics and Statistics* 52: 169-210.

JADUAL 1.0: Perbandingan Hasil Analisis Shift Share Negeri Terengganu, Kelantan Dan Pahang Dari Tahun 2005 Hingga 2010

| Wilayah ECER | Nasional Share (NS) | Industry Mix (IM) | Regional Shift (RS) | Shift Share (SS) |
|---------------------|---------------------|-------------------|---------------------|------------------|
| TERENGGANU | | | | |
| Kadar Penyertaan | 4700242.857 | 371255.4378 | 1143198.335 | 6214696.629 |
| Kadar Umur Aktiviti | 7088389.983 | 1966435.345 | 533518.6838 | 9588344.012 |
| KELANTAN | | | | |
| Kadar Penyertaan | 5140418.148 | 811433.6529 | 1143197.304 | 7095049.105 |
| Kadar Umur Aktiviti | 5743107.659 | 621154.4762 | 533526.9538 | 6897789.089 |
| PAHANG | | | | |
| Kadar Penyertaan | 5308787.987 | 979801.9972 | 1143186.389 | 7431776.374 |
| Kadar Umur Aktiviti | 5865667.406 | 743715.1187 | 533528.221 | 7142910.745 |

Sumber : Dikira Dari Model Shift Share